



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	9/3/2012

Najib jadikan Abdullah 'kambing hitam?'

Oleh
WAN NORDIN WAN YAACOB

RAMAI yang mungkin terpegun dengan sandiwara minggu ini yang dilakonkan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak dalam membuat permohonan maaf kepada rakyat atas kegagalan kerajaan semasa pilihan raya umum yang lalu.

Mesej yang cuba disampaikan kepada rakyat adalah bagi mendoktrin rakyat bahawa beliau seorang yang sangat 'sederhana' dan 'merendah diri' dalam menguruskan negara, tidak seperti kerajaan yang sebelumnya.

Dua kali Najib memohon maaf kepada rakyat dalam masa dua minggu dan ia di-

laporkan sepenuhnya oleh media-media arus perdana sambil beberapa pemimpin mengulasnya sebagai suatu yang besar.

Malangnya, jika diamati ianya hanya memberi gambaran bahawa Najib seolah-olah tidak mengakui kesalahannya sebagai PM selepas Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Sebaliknya, permohonan maaf itu hanya kerana kesilapan kerajaan pimpinan Abdullah (sekitar 2004 hingga 2008) yang menyebabkan masalah pada PRU12.

Seperti mana kata Naib Presiden PAS, Dato' Mahfuz Omar, kenyataan Najib ini sekali gus menempelak kerajaan pimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah.

Secara sedar, mungkin rakyat melihat ia satu kenyataan dan kesediaan Najib mengubah 'sikap' pentadbiran kerajaan yang menyebabkan tsunami 2008 berlaku.

Namun, sebaliknya jika diamati kenyataan itu menjadikan pentadbiran Abdullah sebagai 'kambing hitam' untuk menutup kesalahan Najib semata-mata.

Sedangkan, sejak mengambil alih kerajaan dari tangan Abdullah, Najib meneruskan dasar yang ada (dasar korupsi dan kronisme) yang menebal dalam Umno mahupun kerajaan.

Malah, dalam beberapa kes termasuk kes skandal Pusat Feedlot Negara (NFC) bernilai RM250 juta,

kesediaan Najib untuk menyelesaikan secara berani mengenai isu itu tidak kelihatan.

Sebaliknya, Najib dikatakan takut menghadapi *warlord-warlord* Umno yang sangat berkuasa setelah dipancing dengan projek projek tertentu untuk mendiamkan rahsia-rahsia besar Najib dalam parti dan kerajaan.

Masakan Najib mampu menghadapi kemelut dalam Umno yang jauh lebih parah ditambah dengan kelemahan beliau mengatasi pengaruh isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor yang cukup *obvious* dan menjadi perkara yang cukup tidak menyenangkan kepada pemimpin Umno yang lain.

Harakah - 9/3/2012